



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002
Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj.Tuan : PPKomp/25/01
Ruj. Kami : KPM.600-12/1/4 Jld. **62 (57)**
Tarikh : **10** Mac 2025

Pemilik
Fatimah Education Consultants
No. 10-B, Lorong Wajo
Parit Keroma, Ayer Baloi, Pontian
82100 JOHOR

Puan,

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PERTANDINGAN
PENGATURCARAAN KOMPUTER ANJURAN FATIMAH EDUCATION
CONSULTANTS**

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada puan bertarikh 28 Februari 2025 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak puan. Pihak KPM mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negara ini.

3. Sehubungan dengan itu, pihak KPM mengambil maklum akan permohonan pihak puan serta **tiada halangan** bagi penganjuran **Pertandingan Pengaturcaraan Komputer** pada **17 Mac hingga 12 April 2025**. Walau bagaimanapun, pihak KPM ingin menarik perhatian puan bahawa pelaksanaan aktiviti berkenaan hendaklah memenuhi syarat serta mematuhi:

- 3.1 **Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) KPM Bil.7/1988** Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan atau Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Induk Sukan;
- 3.2 **SPI KPM Bil.8/1995** Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan atau Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Induk Sukan;

.../2

- 3.3 **SPI KPM Bil.8/2009** Langkah-langkah Keselamatan Semasa Mengikuti Aktiviti/Program Lawatan Di Luar Waktu Persekolahan;
 - 3.4 **SPI KPM Bil.5/2018** Garis Panduan Perwakilan Kuasa daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia;
 - 3.5 **SPI KPM Bil.9/2023** Garis Panduan Lawatan Murid Sekolah Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai Tahun 2023; dan
 - 3.6 **Surat Siaran KPM Bil.2/2010** Garis Panduan Pelaksanaan Program Pendidikan (Kokurikulum) Tajaan Agensi Luar.
 - 3.7 **Surat Siaran KPM Bil. 9 Tahun 2024:** Pelaksanaan Surat Akuan Ibu Bapa/Penjaga Untuk Kebenaran Rakaman Gambar/Video/Audio Murid Serta Memuat Naik Ke Laman Media Sosial Bagi Program Anjuran Institusi Pendidikan Bawah KPM
4. Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut:
- 4.1 **pihak penganjur hendaklah mengemukakan permohonan bertulis kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) terlibat setelah mendapat maklum balas daripada KPM dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh pelaksanaan program;**
 - 4.2 semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
 - 4.3 penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa/penjaga;
 - 4.4 pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
 - 4.5 surat ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
 - 4.6 penyertaan guru/murid **tidak mengganggu atau menjelaskan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP)/program/aktiviti sekolah;

- 4.7 pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 4.8 pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat dengan program ini;
- 4.9 **tiada implikasi kewangan kepada KPM, JPN, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan murid yang terlibat (merujuk SPI Bil.5/2018);**
- 4.10 pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar;
- 4.11 Pihak penganjur perlu mengemukakan draf poster/gegantung/hebahan digital/sijil untuk semakan BSKK sebelum diedarkan;
- 4.12 penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM berserta dokumen lengkap kepada **Unit Komunikasi Korporat KPM selepas mendapatkan maklum balas/surat sokongan permohonan penganjuran program ini** (Syarat permohonan adalah seperti dalam Garis Panduan Penggunaan Logo Rasmi KPM (<https://www.moe.gov.my/muat-turun/multimedia/logo>));
- 4.13 pihak penganjur dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni pembinaan karakter murid dan perpaduan diterapkan dalam pelaksanaan program;
- 4.14 bagi **tujuan pengiktirafan** program, pihak penganjur perlu mengemukakan **satu salinan laporan program yang dijalankan (format seperti di Lampiran A)** kepada **Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program;**

- 4.15 pihak penganjur adalah dimohon untuk mengemukakan **Surat Setuju Terima (seperti di Lampiran B)** kepada pihak BSKK dalam tempoh **14 hari** selepas menerima surat maklum balas permohonan bagi mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan program; dan
- 4.16 KPM berhak menarik balik surat penganjuran program ini sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuran akan memberikan kesan kepada permohonan agensi pada masa akan datang.

5. Maklum balas penganjuran program ini hanya untuk **Fatihah Education Consultants** yang akan menganjurkan **Pertandingan Pengaturcaraan Komputer** pada **17 Mac hingga 12 April 2025**. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak Pengarah BSKK, KPM.

6. Untuk sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, pihak puan boleh menghubungi **Puan Nooren Zeeana binti Azis** di talian **03-8872 1636** atau e-mel **nooren.azis@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ITHNIN BIN MAHADI)

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.: Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri